

# Jaguh2 S'pura sertai Pesta Silat Asean

PLNCAE - SILAT.

SINGAPURA akan menyertai Pertandingan Pesta Silat Asean yang kedua, yang akan berlangsung di Kuala Lumpur pada November ini.

Sebagai persiapan bagi menyertai pesta yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu persembahan atau demonstrasi dan olahraga silat, Persekutuan Silat Singapura (Persisi) dijangka memilih wakil-wakilnya pada hujung minggu ini.

## Jaguh

Setiausaha Persisi, Encik Johari Uriff, berkata dalam acara persembahan atau silat sebagai satu kesenian lima buah negara Asean (kecuali Filipina) akan mengambil bahagian.

Dalam bahagian seni ini, tambahnya, 20 regu dari negara-negara itu akan menunjukkan kebolehan masing-masing dan

Oleh ZAWIYAH SALLEH

Singapura akan menghantar empat regu (10 orang).

Manakala bahagian pertandingan pula iaitu olahraga silat di samping lima buah negara Asean, beberapa buah negara Eropah turut mengambil bahagian.

Antaranya termasuk Negeri Belanda, Amerika Syarikat, Britain, Australia dan Jepun, yang juga dijangka mengirinkan jaguh masing-masing.

Encik Johari menyatakan bagi bahagian pertandingan itu, pihaknya akan menghantar 10 orang wakil yang akan mengambil bahagian dalam secara perseorangan.

Bahagian pertandingan mengandungi lapan peringkat iaitu dari A hingga H, yang bergantung pada berat badan seseorang peserta.

Menurut beliau beberapa orang anggota regu pendekar dan bahagian solo kanak-kanak mungkin dipilih untuk menyertai festival yang dijangka berlangsung dari 20 hingga 24 November ini.

## Pengurus

Tetapi pemilihan itu akan dibuat oleh satu jawatankuasa khas, yang akan memikirkan tentang mereka yang layak menyertai pertandingan dan demonstrasi itu, katanya.

Pesta itu akan dimeriahkan lagi dengan Kongres Pesilat selama dua hari, anjuran Persekutuan Silat Antarabangsa.

Di samping pesilat, beberapa orang pegawai termasuk pengurus, jurulatih, doktor dan seumpamanya akan menghadiri



ENCIK JOHARI

pesta itu.

Menurutnya, seramai 30 orang (termasuk pesilat) dijangka menghadiri Pesta tersebut.

## Pesta Silat di Daerah Besut

MAJLIS Kebudayaan Daerah (MKDB) dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan Belia dan Sukan Daerah akan mengadakan Pesta Silat Peringkat Daerah Besut 1984 di Kampung Pak Da Malik pada 11 Oktober.

Penolong Setiausaha MKDB, Encik Ayub Mohd Amin memberitahu, pesta sehari suntuk itu bertujuan memupuk semangat perpaduan di kalangan penduduk tempatan di samping mengembangkan kema-

li kesenian bangsa yang hampir pupus itu.

Ini adalah pesta kali kedua dianjurkan oleh Majlis Kebudayaan Daerah Besut. Pesta pertama diadakan di tempat yang sama pada tahun 1981 dan mendapat sambutan yang menggalakan.

**B. Harlan (M)**  
Sempena pesta itu pelbagai seni acara silat akan dipersembahkan oleh Persatuan Guru-Guru Silat Daerah Besut serta para peserta silat.

Timbalan Menteri Buruh Datuk Haji Zakaria Abdul Rahman akan melakukan upacara penutup majlis itu.